

TEORI PALUAN BESAR



Di sebalik IPO yang sering menjadi tajuk utama di Bursa Malaysia, ada satu kisah yang jarang diceritakan, iaitu tentang syarikat yang tidak benar-benar berjaya. Mereka tidak berkembang, tetapi masih bertahan.

MITOS IPO: AIR YANG BERTAKUNG...

Kisah Yang Cuma Dibisikkan Dalam Diam

Ada kisah benar syarikat di Bursa Malaysia yang tidak pernah didedahkan dalam brosur IPO. Apakah sebabnya? Kerana syarikat yang kekal statik tidak boleh dijual sebagai kisah kejayaan. Ia bukan tentang inovasi atau menawan pasaran. Mereka ini tidak merancang untuk masa depan, sekadar meniti hari tanpa berbuat apa-apa.

Banyak syarikat sebenarnya tidak berkembang. Mungkin dari awal lagi mereka memang merancang untuk tidak memajukan perniagaan. Mereka ibarat jam, sekadar berdetik mengikut masa. Dalam syarikat sendirian berhad, hal itu tidak menjadi masalah. Tetapi apabila sudah disenaraikan, pasaran mengharapkan bulan dan bintang, sedangkan mereka masih melata di bumi yang nyata. Ibarat majlis tari menari, iramanya sudah lama berkumandang tetapi syarikat masih tidak menunjukkan reaksi, seakan rentaknya tidak mampu diikuti oleh syarikat itu sendiri.

Ekosistem Tertutup Untuk Syarikat Tersenarai Yang Kecil dan Sederhana

Jika anda sering memerhatikan saham syarikat kecil (*small-cap*), anda akan mula nampak coraknya. Nama syarikat mungkin berbeza – Fibon, UMS, RGT – tetapi ceritanya hampir sama. Syarikat-syarikat ini masih berada pada takuk prestasi yang lama.

Ambil contoh Fibon Berhad. Prestasinya seperti tersekat dalam kitaran. Selama lebih sedekad, keuntungannya hanya berlegar antara RM1.7 juta hingga RM5.0 juta. Mereka bercakap tentang “inisiatif strategik”, tetapi hakikatnya hanya mengubah susun atur dalam ruang yang tidak pernah bertambah keluasannya. Syarikat ini tidak gagal, cuma sudah mencapai “saiz semula jadi” mereka. Hal itu bukan suatu kesalahan, melainkan jika dahulu mereka pernah menjual impian, kononnya akan menjadi syarikat yang gah, ketika IPO pada tahun 2008.

Mari kita lihat lebih dekat. Pada tahun lepas, syarikat mencatatkan keuntungan sebanyak RM4.4 juta, dan daripada jumlah itu, RM1.3 juta diperoleh daripada faedah bank. Ini bukanlah hasil operasi utama tetapi daripada wang simpanan yang ‘bekerja’. Sementara perniagaan kekal statik, pengarah eksekutif (yang juga ahli keluarga) menaikkan gaji mereka sebanyak 11% hingga 15%, dengan jumlah keseluruhan RM4.4 juta. Situasi ini ibarat jamuan keluarga tetapi diadakan di pentas awam. Pemegang saham dijemput hadir tapi hanya dapat melihat kaum kerabat pengarah menikmati hidangan lazat yang disediakan. Ini bukan kisah pertumbuhan, tetapi lebih kepada sebuah yayasan keluarga yang secara kebetulan disenaraikan.

Muzium Wang Lama

Lebih menarik lagi, terdapat sejumlah RM42.8 juta tunai diperam dalam bank, ibarat tiket yang tidak pernah ditebus. Jumlah ini bersamaan hampir sekali ganda pendapatan

tahunan syarikat, tetapi dibiarkan begitu sahaja tanpa hala tuju yang jelas. Jika syarikat tiada perancangan besar, mengapakah mereka terus berada dalam pasaran? Apakah perlunya pemegang saham menunggu di lobi untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan? Dividen yang diberikan pula sangat sedikit, kira-kira 1.1 sen sesaham (RM1.1 juta keseluruhan), seperti serdak biskut di penghujung musim perayaan, langsung tidak setimpal dengan status syarikat di Pasaran Utama. Jika tujuan hanya untuk “menyimpan” syarikat tanpa perkembangan sebenar, mungkin lebih baik ia diswastakan semula. Biarlah pasaran membuka ruang kepada syarikat yang benar-benar mempunyai potensi.

Anda tidak boleh terus hidup bersandarkan pelan lama untuk selama-lamanya. Apabila syarikat enggan menggunakan wang tunai dalam simpanan, anda bukan sedang membina landasan untuk memajukan syarikat, tetapi cuma jadi pengawal malam yang menjaga sebuah makam. Dalam dunia sebenar, “kekal stabil” hanyalah kemerosotan yang berlaku secara perlahan-lahan. Ketika anda sibuk menggilap hiasan pada kotak pameran yang langsung tiada pengunjung, pesaing pula menerpa umpama bebola peroboh yang menghentam pintu hadapan. Duduk diam dan memeram RM42 juta dalam bank sehingga mata wang itu sendiri jadi peninggalan sejarah bukanlah satu strategi. Syarikat yang tiada hala tuju untuk melangkah lebih jauh bukanlah syarikat yang gagal tetapi hanya hidup bergantung kepada belas ikhsan.

Kos Untuk Menjadi Syarikat Tersenarai

Menjadi syarikat awam bukanlah perkara mudah. Kos pematuhannya tinggi. Anda perlu melantik juruaudit, pegawai pematuhan, pengawal selia, yang mana semuanya datang bersama-sama syarat yang perlu dipenuhi. Untuk syarikat kecil, beban ini terasa amat berat sehingga menjejaskan operasi. Tindakan penyenaian yang sepatutnya membuka peluang untuk berkembang akhirnya menjadi beban yang tidak tergalas.

Tambahan pula, terdapat keperluan untuk melantik “Pengarah Bebas”, yang kadangkala hanyalah formaliti. Dalam kalangan syarikat kecil, mereka sekadar memenuhi syarat dan bukannya benar-benar bebas. Jika penyandang jawatan itu tidak mengikut skrip keluarga, dia dianggap sebagai “penghalang”. Maka, wajah-wajah mesra yang sama terus dilantik (dan kekal sehingga had 12 tahun) kerana mereka ibarat pak turut yang mudah bekerjasama dan tidak mencabar pengurusan.

Tekanan Sebagai Syarikat Tersenarai

Sebaik sahaja disenaraikan, syarikat berada di bawah pemerhatian ramai. Akaun bank anda sentiasa dibedah siasat di hadapan penonton yang tidak pernah puas. Mereka mahukan lebih banyak maklumat, lebih banyak penelitian. Dalam ruangan ini, itulah harga yang perlu dibayar. Anda telah menukar privasi dengan satu kod saham dan kini pemegang saham minoriti mula bersuara. Prestasi kewangan syarikat diperhatikan secara terbuka dan setiap keputusan dipersoalkan.

Mereka yang memakai topi “Perhubungan Pelabur” pula, sekadar berdiri di tengah-tengah taufan, mendodoi hadirin dengan skrip yang sama tentang “terus memantau pasaran” dan “melakar hala tuju yang lebih baik”, sedangkan enjin syarikat sudah pun mengeluarkan lampu amaran dan asap hitam. Hadirin pula lebih kepada pemburu freebies, yang mungkin sudah sedekad tidak membuka Laporan Tahunan syarikat. Mereka lebih teruja dengan kualiti cenderahati dan berapa banyak makanan yang boleh disumbat ke dalam beg plastik, daripada benar-benar memahami penyata kewangan syarikat.

Air Yang Bertakung Hanya Mengumpul Keladak

Keadaan ini bukan sekadar isu terpencil. Ia memberi kesan besar kepada pasaran saham secara keseluruhan. Apabila syarikat seperti Fibon memilih untuk kekal statik (dan hanya bergantung pada prestasi lampau), ia mengurangkan daya tarikan pasaran. Penilaian saham kekal rendah bukan disebabkan tiada peluang, tetapi kerana tiada potensi pertumbuhan.

Bagi pemegang saham minoriti, realitinya lebih meresahkan. Mereka sekadar hiasan, yang memberikan gambaran seolah-olah penyertaan mereka dialu-alukan. Sedangkan keputusan sebenar dibuat dalam bilik keluarga dan anda langsung tidak diberikan kunci. Anda terperangkap dalam struktur dengan kedudukan yang pasif, menyaksikan modal anda secara perlahan-lahan menjadi tinggalan sejarah.

Lebih membimbangkan, perkara ini mengubah fungsi utama pasaran iaitu mengagihkan modal untuk pertumbuhan perniagaan. Mekanisme yang sepatutnya merungkai nilai dan memetakan trajektori kejayaan sesebuah syarikat, kini berubah menjadi peti simpanan, yang memastikan wang tunai syarikat kekal di tempat asal, tersusun rapi dan tidak berusik.

Penghujung Kisah Yang Dipaparkan

Penyenaraian tidak semestinya menjamin pertumbuhan. Ia bukanlah tongkat sakti yang mengubah sifat asas sesebuah syarikat. Sebaliknya, ia hanya mendedahkan syarikat kepada perhatian umum dan perhatian selalunya datang bersama dengan jangkaan. Bagi syarikat yang memang mampu berkembang, penyenaraian adalah satu kelebihan. Namun, bagi syarikat yang ditubuhkan untuk kekal statik, ia hanya menyerlahkan kelemahan yang selama ini tersembunyi, termasuklah hakikat bahawa prestasi syarikat langsung tiada perubahan dalam tempoh sedekad.

Jadi sebelum membuat keputusan untuk disenaraikan, tanyalah soalan yang tepat. Bukan soalan “Bolehkah syarikat kita disenaraikan?” tetapi “Apabila syarikat kita sudah disenaraikan, adakah kita benar-benar bersedia untuk berkembang?”

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.